

Sarawak eksport kerepek pisang ke Guangzhou, China

•2019-10-18T12:52:30+08:00



Uggah mencuba kerepek pisang Bana Bee untuk dieksport ke Guangzhou, China. Turut kelihatan Tho (kiri) dan Dr Rahman.

KUCHING: Sarawak mencapai satu lagi pencapaian dalam sektor pertanian menerusi eksport produk kerepek pisang jenama Bana Bee ke pasaran Guangzhou, China.

Penghantaran kontena pertama produk kerepek pisang pelbagai perisa ke Guangzhou oleh Banana Tree Sdn Bhd diadakan hari ini menerusi Pelabuhan Senari Kuching di sini.

Simbolik eksport disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas yang juga Menteri Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah.

Uggah yang ditemui selepas itu berkata syarikat ini telah mengeksport kerepek pisang mereka ke China sejak tahun lepas.

Selain Guangzhou katanya, syarikat ini juga mengeksport produk mereka ke Semenanjung Malaysia dan akan datang ke pasaran Singapura.

“Ini adalah satu lagi pencapaian bagi pertanian Sarawak dalam usaha kita untuk menjadi pengeksport makanan tetap menjelang tahun 2030.

“Produk ini menunjukkan bahawa Sarawak mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan saya harus berterima kasih kepada Banana Tree Sdn Bhd kerana dapat membina kilang yang menepati standard makanan China dan negara-negara lain.

“Lebih penting ialah syarikat ini dapat menembusi pasaran antarabangsa,” ujar Uggah.

Dalam pada itu penghantaran kontena ke Guangzhou hari ini adalah melibatkan sebanyak 700 kotak dengan setiap kotak mengandungi 24 bungkusan kerepek pisang pelbagai perisa.

Selain kerepek pisang, Sarawak juga telah mengeksport durian ke China selain turut mengeksport ikan tilapia merah Batang Ai dan khinzir hidup ke Singapura.

Tahun depan katanya, kementeriannya akan fokus dalam membantu dan membimbing syarikat yang berhasrat untuk mendapatkan pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) bagi membolehkan menembusi pasaran antarabangsa.

Turut hadir, Menteri Muda Kementerian Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Roland Sagah dan Datuk Dr Abdul Rahman Ismail dan Pengerusi Banana Tree Sdn Bhd, Tho Tze Bing.

Oleh : Agnes Tugong